

**NO. SOALAN : 469**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**  
**[ SELAYANG ]**

**SOALAN :**

Tuan William Leong Jee Keen minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah orang yang bankrap selama 5 tahun atau lebih dan sebab-sebab mereka masih belum dilepaskan.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan rekod Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl), jumlah orang yang bankrap selama 5 tahun atau lebih dan masih belum dilepaskan daripada kebankrapan adalah sebanyak 174,908 orang.
2. Mdl berperanan untuk mentadbir kes kebankrapan dengan mengimbangi kepentingan bankrap dan pemutang. Punca utama keskes ini tidak dapat diselesaikan adalah kerana Mdl tidak mendapat kerjasama dari kedua-dua belah pihak iaitu bankrap dan pemutang. Apabila seseorang itu dijatuhi dengan Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman (Perintah Kebankrapan), adalah menjadi tanggungjawab bankrap untuk hadir ke Mdl bagi menjalani sesi penyiasatan awal bagi mengenal pasti aset dan harta yang dimiliki oleh bankrap. Sejurus itu, bankrap juga perlu memfailkan penyata hal ehwal yang menyenaraikan semua harta dan liabiliti mereka. Memandangkan kebanyakan bankrap ini tidak pernah hadir ke Mdl dan memfailkan penyata hal ehwal, adalah sukar untuk Mdl mentadbir kes kebankrapan mereka dan secara tidak langsung pelepasan tidak wajar diberikan kepada mereka.
3. Jumlah bayaran hutang yang rendah juga antara punca mereka belum dilepaskan daripada kebankrapan. Bankrap masih bertanggungjawab untuk menguruskan dan membayar hutangnya melalui Mdl menerusi pembayaran secara ansuran bulanan dengan teratur. Sekiranya gagal berbuat demikian, adalah sukar untuk bankrap dilepaskan daripada kebankrapan. Pelepasan juga sukar diberikan

sekiranya bankrap masih dalam proses siasatan kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Kebankrapan 1967.

4. Selain itu, terdapat juga keadaan yang mana jumlah hutang yang difailkan pembiutang adalah tinggi manakala jumlah sumbangan bankrap ke dalam akaun estet kebankrapannya pula adalah masih rendah. Dalam hal ini, Mdl juga berperanan untuk mengimbangi kepentingan dan keadilan kepada pembiutang. Dalam membuat pertimbangan atas pelepasan bankrap, Mahkamah atau Ketua Pengarah Insolvensi perlu membuat pertimbangan terhadap *conduct and affair* bankrap, kerjasama yang diberikan oleh bankrap sepanjang tempoh pentadbiran kesnya serta jumlah hutang bankrap. Sekiranya pelepasan diberikan tanpa mengambil kira semua faktor tersebut, pihak pembiutang pula akan mengemukakan bantahan.

5. Mdl sentiasa memberi perhatian kepada semua individu yang telah dijatuhi Perintah Kebankrapan dan akan terus membantu agar mereka boleh dilepaskan. Sehubungan itu, bankrap disaran untuk memberikan kerjasama yang baik kepada Mdl dalam mentadbir kes kebankrapan mereka seperti hadir ke Mdl, membuat bayaran ansuran bulanan secara teratur dan mematuhi arahan yang diberikan. Kerjasama yang baik dengan Mdl dalam menguruskan hutang dan pentadbiran kes kebankrapannya boleh membantu bankrap untuk keluar daripada kebankrapan dengan segera.

Sekian, terima kasih.